

ISU DAN CABARAN BELIA SEBAGAI PENJAGA WARGA EMAS DALAM SISTEM PENJAGAAN TIDAK FORMAL

**¹Nur Syuhada Mokhzan*, ²Rosnah Sutan &
³Ruhizan Mohd Yasin**

¹Jabatan Perubatan Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan
Malaysia, Bandar Tun Razak Cheras 56000, Kuala Lumpur

²Pusat Kajian Pembudayaan STEM (Science, Technology, Engineering,
Mathematics) Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43650,
Selangor

*Corresponding author: syuhada.mokhzan@yahoo.com

Published online: 30 November 2023

To cite this article: Mokhzan, N.S., Sutan, R., M.Yasin, R. (2023). Isu Dan Cabaran
Belia Sebagai Penjaga Warga Emas Dalam Sistem Penjagaan Tidak Formal. *Asia
Pacific Journal of Youth Studies (APJYS)*,2(2),1-22.

<https://doi.org/10.56390/apjys2023.1115>

To link to this article: <https://doi.org/10.56390/apjys2023.1.1.5>

ABSTRACT

Typically, issues related to care are always associated with the elderly. Elderly care is divided into two forms, namely formal care which involves care in institutions while informal care refers to care by family members. Now, the number of ratios for informal care is a ratio of 1:1, which is one elderly person to be cared for by a caregiver and it was also found that the youth are among the caregivers for the elderly. Therefore, this study was carried out to identify youth issues and challenges in terms of basic needs, types of assistance, health problems of the elderly and issues involving informal care of the elderly. This study has involved a total of 60 respondents aged 18 - 30 years old who are carers of the elderly and who are participants in the My-Elderly-Care-Skills Module under UKM's Faculty of Medicine. This study also uses quantitative methods by using questionnaires and analyzed using descriptive methods. The results of the study show that 71.67 percent of youth who care for the elderly state that the main issue and challenge in caring for the elderly is the fussy attitude of the elderly and it is difficult to understand the feelings and wishes of the elderly. The implication of this study is to explain that the issues and challenges in caring for the elderly need to be noted and prioritized following the increase in the elderly population and the increase in the number of elderly people who require dependency on caregivers.

Keywords: Youth, Elderly, Elderly Care, Issues and challenges, Elderly Care System,

ABSTRAK

Lazimnya, isu berkaitan dengan penjagaan selalu dikaitkan dengan golongan warga emas. Penjagaan warga emas dibahagikan kepada dua bentuk iaitu penjagaan formal yang melibatkan penjagaan dalam institusi manakala penjagaan tidak formal merujuk kepada penjagaan oleh ahli keluarga. Kini, bilangan nisbah bagi penjagaan tidak formal adalah nisbah 1:1, iaitu seorang warga emas untuk dijaga oleh seorang penjaga dan turut didapati bahawa golongan belia merupakan antara penjaga kepada warga emas. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti isu dan cabaran belia dalam aspek keperluan asas, jenis bantuan, masalah kesihatan warga emas dan isu-isu yang melibatkan penjagaan warga emas secara tidak formal. Kajian ini telah melibatkan seramai 60 responden yang berumur 18 – 30 tahun dan merupakan penjaga kepada warga emas serta terdiri daripada peserta Modul *My-Elderly-Care-Skills* di bawah Fakulti Perubatan UKM. Kajian ini turut menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 71.67 peratus belia yang menjaga warga emas menyatakan bahawa isu dan cabaran utama dalam menjaga warga emas adalah sikap cerewet warga emas dan sukar untuk memahami perasaan dan kehendak warga emas. Implikasi kajian ini ialah menerangkan bahawa isu dan cabaran dalam menjaga warga emas perlu diperhatikan dan diberikan keutamaan berikutan peningkatan kepada populasi warga emas dan peningkatan jumlah warga emas yang memerlukan kebergantungan kepada penjaga.

Kata Kunci: Belia, Warga Emas, Penjagaan Warga Emas, Isu dan Cabaran, Sistem Penjagaan Warga Emas.

PENDAHULUAN

Di Malaysia, seseorang yang berumur 60 tahun dan keatas dikategorikan sebagai golongan warga emas dan dapat lihat berdasarkan beberapa hasil kajian tempatan melaporkan Malaysia akan mengalami peningkatan trend populasi masyarakat yang berumur 60 tahun dan keatas dari tahun ke tahun. Perkara ini dapat dibuktikan dengan dapatan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia 2022 yang melaporkan jumlah yang dianggarkan akan meningkat

kira – kira 3.5 juta (10.7%) pada tahun 2021 berbanding 3.6 juta (11.1%) tahun 2022. Hasil kajian turut melaporkan kadar pertumbuhan penduduk warga emas diunjarkan akan terus meningkat demi tahun malah yang merisaukan kadar pertumbuhan warga emas juga akan meningkatkan dua kali ganda daripada jumlah asal pada tahun 2020 dan tiga kali ganda pada tahun 2050 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020).

Perkara ini dapat dikukuhkan lagi dengan hasil laporan dari Jabatan Perangkaan Malaysia 2022 turut melaporkan Malaysia bakal menjadi negara yang mempunyai kadar populasi warga emas yang tertinggi bagi kalangan negara -negara membangun yang lain iaitu sebanyak 15.3 % daripada bilangan penduduk Malaysia pada tahun 2030 iaitu 38062,200 orang. Purata jangka hayat bagi lelaki ialah 73.2 tahun dan wanita 78.3 tahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Perkara ini secara langsung telah memberikan kesan terhadap perubahan demografi masyarakat di Malaysia.

Seterusnya, menurut kajian daripada Mason (2017) menyatakan bahawa majoriti hasil laporan dapatan artikel tempatan menyatakan bahawa sistem penjagaan warga emas adalah berdasarkan sistem penjagaan tidak formal iaitu penjagaan warga emas secara sukarela dan peranan ini dilakukan atas dasar pertalian darah, hubungan perkahwinan, kasih sayang dan tanggung jawab. Perkara ini disokong oleh Suridah et.al. (2016) dan hasil kajian daripada rizal & Sabrizan (2022) telah membuktikan bahawa seramai 90.3 peratus warga emas memilih untuk tinggal di rumah bersama penjaga berbanding sistem penjagaan formal yang melaporkan 24.8 peratus sahaja yang hendak tinggal di pusat jagaan kerajaan serta 23.5 peratus memilih untuk tinggal di pusat jagaan *non-governmental organization* (NGO).

Hal ini telah menggambarkan bahawa sistem penjagaan utama warga emas di Malaysia adalah sistem penjagaan tidak formal. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti isu dan cabaran utama belia sebagai penjaga warga emas dan mengupas isu-isu yang perlu di diberikan keutamaan dalam sistem penjagaan tidak formal bagi golongan warga emas.

SOROTAN LITERATUR

Penjagaan Warga Emas

Sistem penjagaan warga emas dibahagikan kepada dua kategori iaitu penjagaan formal dan penjagaan tidak formal. Kedua-dua sistem ini dilihat dapat memberikan penjagaan yang rapi terhadap warga emas serta memastikan kebajikan dan keperluan dalam penjagaan warga emas dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur (Suriawati, 2020). Penjagaan warga emas dalam sistem formal merujuk kepada sistem penjagaan yang dipertanggungjawabkan kepada institusi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pemegang taruh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjaga kebajikan warga emas serta mengurus dan membiayai keperluan harian warga emas (Zaila & Khadijah, 2016). Selain itu institusi bukan kerajaan yang turut terlibat dalam penjagaan formal warga emas adalah seperti penjagaan di rumah - rumah jagaan warga emas atau rumah penjaga dan dikenakan bayaran tertentu bagi mengurus dan menjaga warga emas (Fuzi & Bakar, 2018).

Seterusnya, berdasarkan hasil kajian kepustakaan dan pemantauan mendapati majoriti sistem penjagaan warga emas di Malaysia merupakan sistem penjagaan tidak formal (Eshah & Katiman, 2012). Penjagaan tidak formal ini merupakan penjagaan warga emas yang melibatkan jagaan oleh individu terdekat seperti ahli keluarga, jiran dan ahli masyarakat terdekat serta tiada bayaran yang akan diberikan kepada penjaga (Norhayati et.al. 2013). Sistem jagaan tidak formal ini selalunya dilakukan atas rasa kasih sayang, belas kasihan dan tanggungjawab serta dilakukan secara sukarela (Zheng et.al., 2013) serta kebanyakan penjaga tidak formal ini tinggal berdekatan atau tinggal bersama dengan orang yang dijaga (Syuhada et.al., 2023).

Terdapat juga kajian yang telah dilaksanakan oleh Amna (2009) yang menyatakan bahawa majoriti warga emas adalah lebih memilih untuk tinggal atau dijaga oleh anak-anak dan pasangan berbanding tinggal di institusi penjagaan warga emas. Hal ini boleh kaitkan juga dengan persepsi atau norma kehidupan dimana seseorang yang tinggal di institusi penjagaan warga emas merupakan orang yang terbuang atau anak-anak tidak melaksanakan

tanggungjawab sebagai seorang anak dengan baik (Faisal et.al., 2022). Khairi et.al. (2018) turut berpendapat bahawa anak-anak yang menghantar ibu bapa yang berusia ke institusi penjagaan warga emas merupakan seorang anak yang tidak mengenang jasa ibu bapa mereka dan ada juga berpendapatan anak-anak ini merupakan golongan yang gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak yang baik.

Oleh disebabkan perkara-perkara tersebut, berlakunya peningkatan bagi sistem penjagaan tidak formal bagi golongan warga emas di Malaysia. Hal demikian turut menyumbang kepada cabaran dalam pelbagai aspek dan isu dalam penjagaan warga emas, terutamanya kepada penjaga yang masih belia. Belia pada masa kita dikatakan golongan *sandwich* dimana mereka terpaksa melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab dalam satu masa. Sebagai contoh, sesetengah belia yang terpaksa bekerja, menjaga warga emas dan dalam masa yang sama menjadi seorang isteri dan seorang ibu. Secara tidak langsung, ini akan memberikan tekanan kepada golongan penjaga dan menjadi cabaran dalam melaksanakan tanggung jawab untuk menjaga warga emas jika tidak mempunyai ilmu dalam menjaga dan menguruskan warga emas dan tidak mempunyai pelan tindakan berkaitan dengan dasar penjagaan dan pengurusan khususnya kepada penjagaan tidak formal bagi golongan warga emas (Syuhada et.al.2023).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kaedah kajian kuantitatif dan menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik dalam bentuk *Google Form* telah diedarkan melalui kumpulan whatsapps yang disertai oleh 60 orang peserta kajian *My-Elderly-Care-Skills*. *Google Forms* tersebut telah dikemaskini di mana hanya borang soal selidik yang dijawab dengan lengkap sahaja yang boleh di hantar dan hanya boleh diisi sekali sahaja bagi setiap responden yang terlibat dalam kajian ini. Penyelidik juga dapat menyemak data yang dihantar oleh para responden dan penyelidik juga dapat mengenal pasti responden yang selesai menjawab soal selidik yang diberikan atau belum selesai menjawab soal selidik yang diberikan. Jika penyelidik mendapati responden belum menjawab, penyelidik akan mengingatkan responden tersebut melalui *group whatsapp* untuk menjawab soal selidik dengan kadar segera.

Populasi dan Sample Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada belia yang berumur 18 tahun sehingga 30 tahun yang menjaga warga emas yang berumur 60 tahun dan keatas. Responden kajian hanya melibatkan peserta dari bengkel *My-Elderly-Care-Skills* yang dibagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan intervensi. Peserta bengkel ini telah ditetapkan beberapa kriteria antaranya penjaga merupakan belia berumur 18 tahun sehingga 30 tahun dan menjaga warga emas yang berumur 60 tahun dan keatas, penjaga kepada warga emas yang memerlukan kebergantungan warga emas orang kurang upaya (OKU), warganegara Malaysia dan boleh bertutur atau memahami Bahasa Melayu atau Bahasa English.

Manakala kriteria pengecualian yang ditetapkan adalah penjaga yang tidak memberi izin menyertai kajian atau menarik diri dari meneruskan kajian atau melengkapkan borang soal selidik dan sukar dihubungi, penjaga yang mempunyai masalah kesihatan yang mengganggu tugas penjaga, warga emas dan penjaga jatuh sakit dan perlu dimasukkan ke hospital pada jangka masa kajian. Belia yang memenuhi kriteria yang ditetapkan sahaja dipilih untuk menjadi responden kajian ini.

Saiz sampel untuk populasi kajian ini ditentukan menggunakan formula untuk pengiraan saiz sampel untuk perbandingan antara dua kumpulan apabila titik akhir ialah data kuantitatif

$$\text{Saiz sampel (SS)} = \frac{2SP^2 (Z_{\alpha/2} + Z_{\beta})^2}{d^2}$$

SP = sisihan piawai dari kajian 1.4 (Kekalainen et al 2018)

$Z_{\alpha/2} = Z_{0.025}$ 95% aras keyakinan (1.96 dari jadual Z berdasarkan

Type I error 5%) $Z_{\beta} = Z_{0.20} = 0.842$ pada 80% keupayaan kajian

(dari jadual Z)

D= perbezaan purata QOL dari kajian 0.8 (Kekalainen et al 2018)

$$\text{Saiz sampel (SS)} = 2(1.4)^2 (1.96 + 0.84)^2 = 48.02$$

$$0.8^2$$

20% tambahan kepada sampel menjadikan jumlah sampel 57.6 (58 orang untuk 2 kumpulan). Oleh itu setiap kumpulan berjumlah minima 29. Mengikut hasil kiraan saiz sample kajian didapatkan sampel kajian akan melibatkan minima 29 orang bagi kumpulan kawalan dan 29 orang kumpulan intervensi yang merupakan sukarelawan yang menjaga warga emas tetapi penyelidik telah memilih 30 orang bagi setiap satu kumpulan yang menyebabkan bilangan secara keseluruhan menjadi 60 orang responden yang akan terlibat dalam kajian ini.

Intrumen kajian

Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A ialah latar belakang responden (maklumat demografi responden). Bahagian B ialah soalan berkaitan isu pengurusan dan jagaan warga emas yang telah dibangunkan oleh Rosnah Ismail dan Habibie Ibrahim (2002) yang mengandungi 14 soalan yang telah dinilai melalui kajian rintis yang melibatkan seramai 197 orang. Bahagian ini melibatkan pilihan jawapan ‘Ya’ dan ‘Tidak’ untuk setiap item soalan. Manakala bagi keesahan instrumen atau validity pula dinyatakan seperti dijadual 1.

Jadual 1.

Pembolehubah Instrumen dan Nilai Alfa Cronbach

<p>Aspek- aspek pengurusan dan penjagaan Warga Emas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aspek keperluan asas • Aspek jenis bantuan • Aspek kesihatan • Aspek permasalahan dalam penjagaan warga emas • Masa yang diluankan untuk penjagaan warga emas • Sikap terhadap warga emas 	<ul style="list-style-type: none"> • Aspek keperluan asas, nilai alfa Cronbach adalah 8.3 • Aspek jenis bantuan, nilai alfa Cronbach adalah 7.1 • Aspek Kesihatan, nilai alfa Cronbach adalah 8.1 • Aspek permasalahan dalam penjagaan warga emas nilai, alfa Cronbach adalah 7.7 • Masa yang diluankan untuk penjagaan warga emas, nilai alfa Cronbach adalah 8.4 • Sikap terhadap warga emas, nilai alfa Cronbach adalah 7.8
--	--

<ul style="list-style-type: none">● Keperluan institusi warga emas● Penglibatan dalam membuat keputusan	<ul style="list-style-type: none">● Keperluan institusi warga emas, nilai alfa Cronbach adalah 8.8● Penglibatan dalam membuat keputusan, nilai alfa Cronbach iaitu 7.3
--	---

Analisis Data

Menurut Chua (2006), analisis deskriptif merupakan salah satu statistik yang digunakan untuk menghuraikan ciri – ciri pembolehubah. Antara contoh analisis deskriptif adalah seperti frekuensi, min, mod, median, peratusan dan sisihan piawai yang digunakan sebagai cara untuk menerangkan pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar serta profil responden. Dalam kajian ini analisis deskriptif digunakan untuk menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mendokumentasikan profil penjaga dan objektif kedua iaitu untuk mendokumentasikan kesihatan awam dan pengurusan jagaan warga emas.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan taburan profil responden yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa, pendapatan isi rumah dan negeri. Dalam kajian ini terdapat seramai 10 (16.67%) orang penjaga warga emas lelaki dan 50 (83.33%) orang penjaga warga emas perempuan. Majorinya adalah berumur 18 tahun sehingga 25 tahun seramai 45 orang (75.00%) dan 15 orang (25.00%) bagi yang berumur 26 tahun sehingga 30 tahun. Manakala bagi responden warga emas pula majoriti responden juga perempuan iaitu seramai 31 orang (51.67%) diikuti responden lelaki seramai 29 orang (48.33%). Dalam Kajian ini juga kebanyakan golongan warga emas Tua Muda yang berumur 60 tahun sehingga 74 tahun seramai 49 orang (81.67%) dan warga emas yang pertengahan tua berumur 75 tahun sehingga 84 tahun adalah seramai 11 orang (18.33%). Seterusnya, bangsa dilihat bahawa majoritinya adalah berbangsa Melayu 54 orang (90.00%), Cina 4 orang (6.57%), India, 1 orang (1.67%), Lain – lain 1 (1.67%). Dari segi pendapatan isi rumah majoritinya mempunyai pendapatan isi rumah sebanyak RM 4850 ke atas 35 orang (58.33%), RM 4850 ke bawah 24 orang (40%). Dari segi negeri dilaporkan majoritinya adalah daripada utara iaitu seramai 17 orang (28.33%) dari Perlis, 13 orang (21.67%) dari Kedah, 3 orang (5.00%) dari Pulau Pinang dan 2 orang (3.33%) dari Perak. Manakala seramai 7 (11.67%) orang dari Kuala Lumpur, 3 orang (5.00%), Melaka satu

orang (1.67%), Negeri Sembilan satu orang (1.67%), Pahang dua orang (3.33%), Kelantan tiga orang (5.00%), Terengganu 5 orang (8.33%), Johor 2 orang (3.33%) dan terakhir dari Serawak seorang (1.67%).

Jadual 2.

Taburan Profil Responden

Latar Belakang Belia (Penjaga)		
	Perkara	n=60 (%)
Jantina	Lelaki	10 (16.67%)
	Perempuan	50 (83.33%)
Umur	Pertengahan (18 tahun – 25 tahun)	45 (75.00%)
	Akhir (26 tahun – 30 tahun)	15 (25.00%)
Latar Belakang Warga Emas		
Jantina	Lelaki	29 (48.33%)
	Perempuan	31 (51.67%)
Umur	Tua Muda (60 tahun -74 tahun)	49 (81.67%)
	Pertengahan Tua (75 tahun – 84 tahun)	11 (18.33%)
Latar Belakang Belia (penjaga) & warga emas		
Bangsa	Melayu	54 (90.00%)
	Cina	4 (6.57%)
	India	1 (1.67 %)
	Lain – lain	1 (1.67%)
Pendapatan Isi	RM 4850 ke bawah	24 (40%)
Rumah	RM 4850 ke atas	35 (58.33%)
Negeri		
Perlis		17 (28.33%)
Kedah		13 (21.67%)
Pulau Pinang		3 (5.00%)
Perak		2 (3.33%)
Kuala Lumpur		7 (11.67%)
Selangor		3 (5.00%)
Melaka		1 (1.67%)
Negeri Sembilan		1 (1.67%)
Pahang		2 (3.33%)
Kelantan		3 (5.00%)
Terengganu		5 (8.33%)
Johor		2 (3.33%)
Serawak		1 (1.67%)

Taburan Kesihatan Awam dan Penjagaan Warga Emas

Taburan kesihatan awam dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada dua perkara sahaja iaitu keperluan pengurusan jagaan kesihatan penjagaan rapi dan penjagaan harian (pesakit kronik yang memerlukan rawatan) dan keperluan penjagaan biasa dari segi pemantauan (mempunyai penyakit yang ringan dan boleh menguruskan diri) manakala selebihnya adalah berkaitan pengurusan jagaan warga emas iaitu aspek keperluan asas seperti aspek jenis bantuan, aspek keperluan asas, aspek permasalahan dalam penjagaan warga emas, masa yang diluangkan untuk penjagaan warga emas, sikap terhadap warga tua keperluan institusi warga emas dan penglibatan dalam membuat keputusan. Kesemua aspek kesihatan awam dan pengurusan jagaan warga emas ini diukur menggunakan teknik analisis deskriptif iaitu memaparkan data frekuensi kekerapan dan peratus.

Jadual 3.

Status Kesihatan Awam dan Penjagaan Warga Emas

Perkara	Ya n (%)	Tidak n (%)	Jumlah Keseluruhan n (%)
Tinggal bersama warga emas	50 (83.33)	10 (16.77)	60 (100.00)
Memerlukan penjagaan rapi dan penjagaan harian (pesakit kronik yang memerlukan rawatan)	23 (38.33)	37 (61.67)	60 (100.00)
Memerlukan penjagaan biasa dari segi pemantauan (mempunyai penyakit yang ringan dan boleh menguruskan diri)	37 (61.67)	23 (38.33)	60 (100.00)

Jadual 3 menunjukkan seramai 50 orang (83.33%) sahaja yang tinggal bersama warga emas dan 10 orang (16.77%) lagi tinggal berasingan dengan warga emas. Manakala hanya terdapat 23 orang (38.33%) sahaja warga emas yang memerlukan penjagaan rapi dan penjagaan harian dan 25 orang (37) warga emas dapat Memerlukan penjagaan biasa dari segi pemantauan.

Jadual 4.

Persepsi Terhadap Pertolongan atau Bantuan Kepada Warga Emas

Perkara		Ya n(%)	Tidak n (%)	Jumlah Keseluruhan n (%)
Menguruskan pertolongan / bantuan sokongan penjagaan harian	Ahli Keluarga	60 (100.00)	0 (0.00)	60 (100.00)
Memberi bantuan kepada warga emas		60 (100.00)	0 (0.00)	60 (100.00)
Jenis bantuan yang diberikan oleh belia	Wang	39 (65.00)	21 (35.00)	60 (100.00)
	Benda keperluan asas	37 (61.67)	23 (38.33)	60 (100.00)
	Kedua – dua	14 (23.33)	46 (76.67)	60 (100.00)

Menguruskan pertolongan atau bantuan sokongan penjagaan harian warga emas adalah oleh ahli keluarga warga emas sendiri seramai 60 orang (100%) telah bersetuju. Dari segi bantuan dapat dilihat ke semua para peserta 60 orang (100%) memberikan bantuan kepada warga emas mereka.

Terdapat seramai 39 orang (65.0%) memberikan bantuan dalam bentuk wang, 37 orang (61.67%) dalam bentuk benda keperluan asas dan 14 orang (23.33%) memberikan bantuan dari segi kewangan dan barang keperluan asas untuk kegunaan warga emas mereka.

Jadual 5.*Individu yang Terlibat Dalam Penjagaan Warga Emas Ketika Sakit*

Perkara		Ya n(%)	Tidak n (%)	Jumlah Keseluruhan n (%)
Individu yang terlibat dalam penjagaan warga emas ketika sakit	Individu (warga emas)	46 (76.67)	14 (23.33)	60 (100.00)
	Pasangan warga emas	28 (46.67)	32 (53.33)	60 (100.00)
	Responden (belia)	29 (48.33)	31 (51.67)	60 (100.00)
	Semua (anak)	20 (33.33)	40 (66.67)	60 (100.00)

Individu yang terlibat dalam penjagaan warga emas ketika sakit seramai 46 orang (76.67) , 28 orang (46.67%) menyatakan pasangan warga emas merupakan individu yang terlibat dalam menjaga warga emas, 29 orang (48.33) menyatakan responden (belia) merupakan penjaga warga emas ketika sakit dan 20 orang (33.33%) menyatakan semua anak merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menjaga warga emas mereka ketika sakit.

Jadual 6.*Permasalahan dalam Penjagaan Warga Emas*

Perkara		Ya n (%)	Tidak n (%)	Jumlah Keseluruhan n(%)
Permasalahan dalam Penjagaan Warga Emas	Cerewet dan sukar memahami perasaan	43 (71.67)	17 (28.33)	60 (100.00)
	Pengurusan Masa	28 (46.67)	32 (53.33)	60 (100.00)
	Kesihatan dan pengangkutan	26 (43.33)	34 (56.67)	60 (100.00)
	Kesihatan	27 (45.00)	33 (55.00)	60 (100.00)
	Kebimbangan	27 (45.00)	33 (55.00)	60 (100.00)

Terdapat beberapa permasalahan yang berlaku semasa menjaga warga emas antaranya cerewet dan sukar memahami perasaan warga emas 43 orang (71.67%) menyatakan “Ya”. 28 orang (46.67%) menyatakan masalah dari pengurusan masa dan 27 orang (45.00) mengatakan masalah dari segi kesihatan dan seramai 26 orang (43.33%) menyatakan permasalahan dari segi kesihatan dan pengangkutan serta 27 orang (45.00%) menyatakan masalah dari segi kebimbangan.

Jadual 7.

Anggaran Masa Menguruskan Warga Emas dalam Sehari

Perkara		Ya n(%)	Tidak n (%)	Jumlah Keseluruhan n (%)
Anggaran masa menguruskan warga emas dalam sehari	5 jam	24 (40.00)	36 (60.00)	60 (100.00)
	4 jam	22 (36.67)	38 (63.33)	60 (100.00)
	1 – 3 jam	44 (73.33)	16 (26.67)	60 (100.00)

Anggaran masa menguruskan warga emas dalam sehari, seramai 44 orang (73.33%) mengisi masa mereka satu hingga tiga jam untuk menguruskan warga emas, 22 orang (36.67%) selama empat jam dalam sehari dan seramai 24 orang (40.00%) menyatakan anggaran masa yang mereka perlukan bagi menguruskan warga emas selama 5 jam.

Jadual 8.

Persepsi Menghantar Warga Emas ke Rumah Orang Tua

Perkara		Ya n(%)	Tidak n (%)	Jumlah Keseluruhan n (%)
Menghantar warga emas ke rumah orang tua		26 (43.33)	34 (56.67)	60 (100.00)
Sebab tidak menghantar warga emas	Tanggungjawab anak / penjaga warga emas	16 (26.67)	44 (73.33)	60 (100.00)

ke rumah orang tua	Sayangkan warga emas yang dijaga	26 (43.33)	34 (56.67)	60 (100.00)
	Perbuatan tidak mengenang budi	49 (81.67)	11 (18.33)	60 (100.00)
	Agama dan budaya	29 (48.33)	31 (51.67)	60 (100.00)

Terdapat 34 orang (56.67%) mengatakan mereka tidak akan menghantar warga emas ke rumah orang tua dan 26 (43.33%) lagi akan menghantar warga emas ke rumah orang tua. Manakala hasil kajian mendapati majoriti menyatakan mereka tidak menghantar warga emas mereka ke rumah orang tua adalah disebabkan tanggung anak, 44 orang (73.33%), sayangkan warga emas, 34 orang (56.67%), perbuatan tidak mengenang budi, 11 orang (18.33%) dan seramai 31 orang (51.67 %) menyatakan bahawa disebabkan agama dan budaya mereka.

Jadual 9.

Keperluan Asas dalam Penjagaan Warga Emas

Perkara		Ya n=60 (%)	Tidak n=60 (%)	Jumlah Keseluruhan n (%)
Keperluan asas dalam penjagaan warga emas	Ubat-ubatan dan rawatan kesihatan	28 (46.67)	32 (53.33)	60 (100.00)
	Dorongan dan kasih sayang	28 (46.67)	32 (53.33)	60 (100.00)
	Makanan tambahan kesihatan	34 (56.67)	26 (43.33)	60 (100.00)

Terdapat tiga keperluan asas dalam penjagaan warga emas iaitu ubat ubatan dan rawatan kesihatan, dorongan dan kasih sayang dan makanan tambahan kesihatan. Berdasarkan hasil kajian mendapati seramai 28 orang (46.67%) menyatakan ubat-ubatan dan rawatan kesihatan, 28 (46.67%) orang menyatakan dorongan dan kasih sayang dan 34 orang (56.67%) berpendapatan keperluan warga emas termasuklah makanan tambahan kesihatan.

Jadual 10.

Tujuan Penglibatan Warga Emas dalam Membuat Keputusan

Perkara		Ya n(%)	Tidak n (%)	Jumlah Keseluruhan n (%)
Tujuan penglibatan warga emas dalam membuat keputusan	Lebih pengalaman	28 (46.67)	32 (53.33)	60 (100.00)
	Hormat	24 (40.00)	36 (60.00)	60 (100.00)
	Meminta	38 (63.33)	22 (36.67)	60 (100.00)
	Pendapat			

Tujuan penglibatan warga emas dalam membuat keputusan adalah seramai 28 orang (46.67%) adalah menyatakan warga emas lebih pengalaman, 24 orang (40.00%) adalah kerana hormatkan mereka yang lebih tua dan 38 orang (63.33%) mengatakan untuk meminta pendapat kepada warga emas yang lebih berpengalaman.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kaum wanita merupakan golongan yang sering diberikan keutamaan dan diberikan tanggung jawab sepenuhnya dalam menjaga ahli keluarga mereka terutamanya menjaga ibu bapa yang sudah berusia. Hal ini kerana wanita lebih menunjukkan kemahiran dan mempunyai empati yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam menjaga warga emas (syuhada et.al., 2023). Perkara ini dapat dibuktikan dengan kajian kepustakaan dan pemantauan daripada kajian terdahulu menunjukkan hasil dapatan bahawa di Malaysia kebanyakan masyarakat masih berpegang kepada tradisi dan norma bahawa ahli keluarga, atau pasangan warga emas akan diberikan keutamaan dalam mengurus keperluan harian warga emas (Shukri & Norliza, 2018). Namun, dalam kajian ini melaporkan majoriti bahawa individu (warga emas) sendiri yang menjaga diri mereka ketika sakit dan hanya 20 (3.3%) menyatakan semua anak bertanggung jawab sebagai individu yang terlibat dalam menjaga warga emas ketika sakit. Perkara ini turut disokong dalam kajian Khadijah et al. (2010) yang menjalankan kajian terhadap pengalaman penjagaan ibu bapa tua oleh anak dewasa dalam kalangan penduduk Melayu yang berpendapatan rendah menyatakan bahawa warga emas lebih memilih untuk menjaga diri mereka sendiri dan memilih pasangan untuk menjaga mereka kerana mereka berasa selesa untuk menguruskan diri sendiri serta tinggal di rumah sendiri

berbanding mengharapkan anak - anak atau ahli keluarga terdekat dan tidak mahu menyusahkan anak dan keluarga mereka.

Seterusnya, menjaga warga emas merupakan satu tanggungjawab yang berat, besar dan perlukan kesabaran yang tinggi. Hal ini kerana menjaga warga emas mempunyai cabaran yang berbeza dimana warga emas sering dikaitkan dengan sikap yang cerewet dan sukar difahami, perasaan sensitif serta tidak mahu mendengar cakap merupakan antara cabaran terbesar sebagai penjaga kepada warga emas (syuhada et.al., 2023). Perkara ini dapat diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 43 orang (71.6%) menyatakan masalah utama mereka dalam penjagaan warga emas adalah perlu menghadapi sikap warga emas yang cerewet serta sukar difahami dan diikuti seramai 28 orang (45.67%) menyatakan mereka mengalami masalah dalam pengurusan masa iaitu hanya mampu meluangkan masa satu sehingga tiga jam sahaja untuk sehari bagi menguruskan keperluan harian warga emas.

Menyentuh bahagian bantuan didapati bahawa majoriti 60 orang (100%) menyatakan ahli keluarga merupakan golongan yang utama dalam memberikan pertolongan atau bantuan sokongan penjagaan harian warga emas. Hasil kajian mendapati bahawa 39 orang (65%) memberikan bantuan dalam bentuk wang manakala 37 orang (61.67%) menyatakan mereka memberi bantuan dari aspek keperluan asas. Oleh itu, dapat dilihat bahawa ahli keluarga telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Perkara ini turut disokong daripada hasil dapatan kajian Habibie et al. (2018) yang menunjukkan ahli keluarga merupakan orang bertanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan ahli keluarga mereka yang iaitu hasil dapatan kajian melaporkan sumbangan daripada ahli keluarga terdekat adalah tinggi berbanding sumber kewangan yang lain iaitu sumbangan anak lelaki (60.68%), sumbangan anak wanita (43.45%), aktiviti pertanian (9.58%), sumbangan cucu (4.3%) dan pencen (17.8%).

Seterusnya, satu kajian daripada Farhah & Denise (2017) yang mengkaji tahap kualiti hidup dalam kalangan warga emas di bandar di Kajang, Selangor menunjukkan tahap kualiti hidup warga emas adalah berada di tahap yang rendah (36%) dan penglibatan aktiviti fizikal tidak aktif turut berada di tahap

sederhana (60%). Oleh itu, dapat dilihat bahawa golongan warga emas masih kurang kesedaran terhadap kepentingan dalam menjaga kesihatan diri mereka dan sokongan sosial yang meyumbang kepada tahap kualiti hidup berada dalam keadaan memuaskan iaitu sederhana. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan hasil laporan kajian ini yang menyatakan keperluan asas dalam penjagaan warga emas mendapati bahawa 34 orang (56.67%) menyatakan warga emas amat memerlukan makanan tambahan kesihatan. Diikuti seramai 28 orang (46.67%) menyatakan keperluan asas dalam penjagaan warga emas meliputi ubat-ubatan dan rawatan kesihatan.

Diikuti hasil kajian daripada noraida et al. (2010) turut melaporkan bahawa dimensi hubungan sosial menunjukkan seramai 72 orang responden (92.3%) responden warga emas menyatakan tahap hubungan sosial mereka berada pada tahap yang tinggi dan 6 orang responden berada di tahap yang rendah. Jelaslah bahawa warga emas ketika ini tidak menghadapi masalah atau kekurangan hubungan sosial seperti yang dilaporkan dalam kajian kerana didapati hanya 28 orang (46.67%) yang memerlukan dorongan kasih sayang berbanding 32 orang (53.3%).

Akhir sekali, berdasarkan hasil laporan kajian mendapati bahawa majoriti bahawa 60 (100%) masih melibatkan warga emas dalam membuat keputusan. Hal ini kerana menurut Rahimah (2015) menyatakan warga emas merupakan orang yang lebih berpengalaman daripada golongan belia dan perakara ini juga dipersetujui dimana majoriti responden 38 orang (63.33%) menyatakan tujuan mereka melibatkan warga emas dalam membuat keputusan adalah disebabkan ingin meminta pendapat dan diikuti seramai 28 orang (46.67%) responden menyatakan warga emas adalah lebih berpengalaman. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kajian ini secara tidak langsung dapat merealisasikan serta membantu memperkasakan masyarakat dalam membentuk masyarakat yang lebih prihatin terhadap fenomena penuaan yang dijangka pada tahun 2030 dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua.

KESIMPULAN, IMPLIKASI, CADANGAN

Di Malaysia, sebahagian besar daripada peranan dalam menjaga dan mengurus warga emas adalah disediakan oleh ahli keluarga, pasangan dan

anak perempuan (Fatimah et.al.2015). Hal ini telah menyebabkan berlakunya peningkatan kepada unjuran sistem penjagaan tidak formal warga emas di Malaysia dan mendatangkan pelbagai isu dan cabaran terhadap penjaga warga emas yang tergolong dalam kalangan belia. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini turut menjelaskan ahli keluarga merupakan sokongan utama dalam membantu menjaga warga emas dan memberi sokongan terhadap penjagaan serta pengurusan harian bagi warga emas yang memerlukan kebergantungan kepada penjaga dan cabaran utama yang dapat dilaporkan dalam kajian ini adalah sikap warga emas yang cerewek dan sukar difahami kehendak warga emas menjadi cabaran utama sebagai penjaga kepada warga emas dan faktor kesihatan warga emas turut menyumbang kepada cabaran dalam menjaga warga emas terutamanya warga emas yang memerlukan kebergantungan kepada penjaga.

Isu penjagaan warga emas secara tidak formal ini akan menjadi semakin penting pada masa akan datang apabila bilangan warga emas meningkat dan keperluan penjagaan harian warga emas semakin meningkat. Selain itu, pusat- pusat jagaan formal seperti institusi penjagaan warga emas yang disediakan oleh pihak kerajaan tidak mencukupi dan institusi penjagaan warga emas yang disediakan oleh pihak swasta atau *non-governmental organization* (NGO) pula mengenakan kadar bayaran yang tinggi. Oleh itu, penjaga yang tidak formal ini perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam mengurus dan menjaga warga emas dan bersedia untuk menghadapi cabaran yang bakal dilalui sepanjang menjaga warga emas. Tindakan sedemikian boleh membantu penjaga warga emas untuk mengurangkan tekanan dan konflik kepada penjaga. Hal ini telah dikukuhkan lagi dengan hasil dapatan kajian daripada syuhada et.al. (2023) telah menyatakan bahawa penjaga yang mempunyai pengalaman dalam menjaga warga emas serta mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan warga emas dapat mengurangkan tekanan dan sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi penjaga dan warga emas.

Akhir sekali, hasil kajian ini, memberikan gambaran awal kepada pihak kerajaan terutamanya kepada kementerian dan *non-governmental organization* (NGO) yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penjaga tidak formal bagi menangani isu – isu dan cabaran dalam menguruskan warga emas dan sekaligus membantu dalam merangka pelan

tindakan berkaitan dengan dasar penjagaan dan pengurusan khususnya kepada penjagaan tidak formal agar dapat dimanfaatkan kepada semua pihak serta dapat meningkatkan taraf kualiti hidup, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi bagi penjaga dan warga emas.

RUJUKAN

- Ahmad Shukri Abdul Hamid & Norliza Mokhtar. (2018). Malaysia Menuju Negara Tua: Apakah Yang Boleh Dipelajari Daripada Pengalaman Negara Jepun?. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding) Johor Bahru, Johor, Malaysia, 7 –8 November 2018*.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed, Katiman Rostam. (2012). Warga tua Melayu di pinggir wilayah metropolitan, Selangor: Pengalaman dan persepsi tentang diri. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(1), 1-14.
- Amna Md Noor, Asnarulkhadi Abu Samah, Nobaya Ahmad, Ma'rof Redzuan & Maznah Baba. (2009). Pola sokongan keluarga kepada warga tua. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 2 (6), 145-159.
- Chua, Y.P. 2006. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Farhah Hanun Ngah & Denise Koh Choon Lian. (2017). Kualiti Hidup dan Aktiviti Fizikal Warga Emas. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 13(2), 44-53
- Fatimah Abdullah, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Mohd Suhaimi Mohamad. (2015). Cabaran Dalam Penjagaan Tidak Formal Di Malaysia. *Sarjana*. 30 (2), 41–56.
- Fuzi, N. A. M., & Bakar, A. A. (2018). Home Ward Vs Home Help: Pengalaman Bersama Komuniti Warga Emas Di Thailand. *Human Sustainability Procedia. Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017), Mudzaffar Hotel, Melaka, 1-2 November 2017*.

- Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad, Nurul Hudani Md Naw. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18 -24.
- Husin, S. Z., & Alavi, K. (2016). Kerja Sosial di Hospital: Meneroka Pengabaian Dalam Kalangan Pesakit Warga Emas. *Journal Of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 462– 465.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, Volume 1. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita & Masyarakat .2018. “Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)”.
- Khadijah Alavi, and Rahim M. Sail, and Khairuddin Idris, and Asnarulkhadi Abu Samah, 2010. Pengalaman penjagaan ibu bapa tua oleh anak dewasa: satu kajian dalam kalangan penduduk melayu bandar berpendapatan rendah. *Akademika*, 2 (1), 77-87.
- Mason J.D. 2017. “Long-term Care: Investing in Models That Work”. *The JAMA Forum*. 318 (16), 1529-1530.
- Mohd Rizal Abdul Manaf & Sabrizan Osman. 2022. Dlm. Khadijah Alavi & Fazni Mat Arifin (pnyt). Rumah Surgaku Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang di Malaysia. *Modal Insan Penjagaan Warga Emas Jangka Panjang yang Bersepadu*. hlm. 338 – 345.
- Muhamad Faisal Ashaari, Nurul Aini Syazwani Norhisham, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Abd Khafidz. 2022. Sumber Sokongan Sosial Untuk Warga Emas. *Jurnal Pengajian Islam*. 15 (1), 208-223.
- Muhammad Khairi Mahyuddin, Roslee Ahmad, Atifah Mamat & Awatif Abdul Rahman. (2018). Cabaran abad 21 dan keperluan amalan kerohanian oleh warga emas. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah* 1(2), 176-184.

- Nor Raudah Siren (2015) Psikologi dan penerimaan warga emas di Kompleks Warga Emas AlJenderami. *Jurnal Usuluddin*. 3(1), 110-120.
- Noraida Ibrahim, Zarina Mat Saad & Fatimah Zailly Ahmad Ramly. Keberkesanan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah Dasar Warga Emas Negara. *Jurnal Pembangunan Sosial (Edisi Khas) Policy & Professional Development*. 3(2), 87-100.
- Nur Syakiran Akmal Ismail, Norehan Abdullah, Kalthum Hassan, Shamzaeffa Samsudin, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan , Rohana Yusof , Nurzalyna Mohamed Zaki. 2017. Kesejahteraan hidup warga emas: Perancangan berasaskan gender. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space* 13(3). 75-85.
- Nur Syuhada Mokhzan, Rosnah Sutan, Ruhizan Mohammad Yasin & Hamidah Yamat. 2023. Youth Perception Toward Managing Elderly Care Among Low-income Household Families using the My-Elderly-Care-Skills Module. *Frontiers In Public Health*. 1(1), 1 -12. <https://doi.org.10.3389/fpubh.2023.1042124>.
- Nurul Hudani binti Md Nawawi, Getrude Cosmas, Puteri Hayati Megat Ahmad, Dahlan A. Malek, Habibie Ibrahim & Peter Voo.2020. Hubungan intergenerasi: kesan sokongan emosi dan sosial anak dewasa dalam penjagaan warga tua. *Jurnal Kinabalu*. 3(4), 241 – 270.
- Rahimah Abdul Aziz .2015. Penuaan dan Hubungan Intergenerasi Dalam Keluarga. Dlm. *Institusi Keluarga di Malaysia: Peranan dan Kualiti. Akademika*, 86 (1), 21- 30.
- Rosnah Ismail dan Habibie Ibrahim. Wanita dan Penjagaan Warga Tua:Satu Kajian Awalan di Daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 4 (5) 27-46.
- Siti Zaila Husin & Khadijah Alavi.2016. Kerja Sosial Di Hospital: Meneroka Pengabaian Dalam Kalangan Pesakit Warga Emas. *E-Bangi Journal*. 11 (2,) 462-484.

- Siti Zuhaida Hussein .2020. Warga Emas Senja Yang Kesepian,. Dlm. Zuhaida Hussein (pnyt). Kesepian dan Status Kesihatan Warga emas. hlm 45 – 48. Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suriawati Ghazali., Aniza Abd Aziz, Rahmah M. A., San, O. S. Rohayah S., Khairi C. M. & Samhani Ismail. 2020. Living support characteristics among mentally healthy elderly: A state-wide descriptive study in Malaysia. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences*, 7(5),46-64.
- Suridah Binti Ali, Rahimah Abdul Aziz & Mimi Hanida Abdul Mutaliba. 2016. Penjagaan Jangka Panjang Warga Tua: Sukarela Atau Terpaksa.Eprint Proceedings, Universiti Sains Malaysia (USM). 1-8.
- Tengku Amatullah Madeehah, Tengku Mohd, Awatef Amer Nordin, Choo Wan Yuen, Noran Naqiah Hairi & Farizah Hairi. 2020. Social support and quality of life among older adults in Malaysia: A scoping review. *ASM Sc. J.* 13(5), 60-66.
- Zheng-Yi Goh, Ming-Ming Lai, Siok-Hwa Lau & Nazihah Ahmad. 2013. The Formal and Informal LongTerm Caregiving for the Elderly: The Malaysian Experience. *Asian Social Science*. 9(4),174-184.